

Dasar Privasi (Malaysian Version, Oct. 2016)

Dasar privasi ini menerangkan entiti yang bertanggungjawab untuk pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan data peribadi yang kami kumpulkan daripada anda berkaitan dengan dasar teamplay ("Dasar") dan perkhidmatan yang disediakan di <https://teamplay.siemens.com> ("Perkhidmatan"), jenis data yang kami kumpulkan tentang anda, apa yang kami lakukan dengan data, dan hak-hak anda berhubung dengan penggunaan data oleh kami.

I. Pengawal Data

Pengawal data yang bertanggungjawab bagi apa-apa data peribadi yang dikumpul, diproses dan digunakan berkaitan dengan Dasar dan Perkhidmatan ialah Siemens Healthcare GmbH, Henkestr. 127, 91052 Erlangen, Jerman ("Siemens").

II. Jenis Data

Selain daripada data peribadi yang anda bekalkan kepada kami secara aktif (contohnya, apabila anda menghantar e-mel kepada kami), kami mengumpul, memproses dan menggunakan jenis-jenis data peribadi berikut apabila anda menggunakan Dasar dan Perkhidmatan kami:

- Nama penuh
- Alamat
- Alamat e-mel
- Nombor telefon
- Pengenalan (ID) untuk institusi di mana anda bergabung dengan
- Negara institusi di mana anda bergabung dengan
- Kata laluan
- Data konfigurasi teamplay, terutamanya keutamaan UI (contohnya, bahasa pilihan, bentangan pilihan)

III. Tujuan-tujuan pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan

Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, kami mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

- Untuk mentadbir, mengoperasi dan mengekalkan Platform dan Perkhidmatan, contohnya, untuk menguruskan pendaftaran anda dan pengaksesan anda ke Dasar dan Perkhidmatan
- Untuk mengelakkan penggunaan Dasar dan Perkhidmatan yang menyalahi undang-undang; dan
- Untuk membolehkan anda dilihat dan dicari oleh pengguna-pengguna teamplay lain.

IV. Kategori Penerima

Maklumat peribadi anda akan disimpan dan diproses pada Microsoft Azure Platform dalam Kesatuan Eropah. Bagi tujuan ini, Siemens telah memeteraikan satu perjanjian pemprosesan data (*data processing agreement*) dengan Microsoft Ireland Operations Limited, Ireland. Dalam kes-kes yang luar biasa, Microsoft Corporation, Redmond, Amerika Syarikat mungkin dikehendaki untuk mengakses Microsoft Azure Platform untuk tujuan-tujuan penyelesaian masalah. Dalam kes sebegini, akses kepada data yang disimpan dalamnya tidak boleh dikecualikan. Selanjutnya, alamat e-mel dan negara institusi gabungan akan disimpan di semua pusat data Microsoft yang terlibat dalam Perkhidmatan di seluruh dunia untuk mengarahkan anda ke pusat data di mana akaun institusi tersebut dikekalkan.

Kecuali untuk penyimpanan pangkalan data pada Microsoft Azure Platform dan akses oleh Microsoft, pemprosesan data peribadi anda adalah dilakukan secara eksklusif oleh Siemens dan Siemens Technology and Services Private Limited, India, yang bertindak bagi pihak Siemens. Sebagai tambahan, Siemens dan/atau sekutunya boleh menawarkan perkhidmatan sokongan jauh yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Apabila menggunakan perkhidmatan sokongan jauh tersebut, Siemens dan/atau sekutunya mungkin mendapat akses kepada data yang mengandungi data peribadi anda.

Oleh itu, data peribadi anda juga mungkin diproses di India, dan dalam situasi luar biasa, di Amerika Syarikat, dan juga di negara-negara lain di dalam atau di luar Ekonomi Eropah ('EEA'), termasuk di negara-negara yang tidak diiktiraf dengan menyediakan tahap perlindungan data yang mencukupi mengikut Arahan 95/46/ EC (*Directive 95/46/EC*) Parlimen Eropah dan juga Majlis 24 Oktober 1995 yang berkenaan perlindungan individu berhubung dengan pemprosesan data peribadi dan pergerakan bebas data tersebut.

Kami berkongsi data peribadi anda dengan pihak ketiga yang lain hanya sekiranya kami mempunyai kewajipan untuk berbuat demikian atas keperluan undang-undang (contohnya, kepada mahkamah atau pihak berkuasa pendakwaan jenayah), anda telah bersetuju dengan pemindahan tersebut atau jika pemindahan adalah sah di bawah undang-undang berkenaan.

V. Perkhidmatan Analisa Web (*Web Analytics Services*)

Data untuk penambahbaikan Penggunaan: Cookies dan teknologi yang serupa

Siemens Healthcare memantau kelakuan waktu jalan aplikasi teamplay untuk jaminan kualiti dan menjejak pandangan-pandangan halaman oleh pengguna berdasarkan nama samaran (*pseudonyms*) untuk tujuan mengenal pasti penambahbaikan produk. Bagi mencapai matlamat ini, cookies sementara akan dicipta dan dipadam serta-merta selepas penciptaannya. Data statistik yang dihasilkan daripada pemantauan disimpan untuk tempoh maksimum 30 hari.

Dalam konteks ini Siemens Healthcare menggunakan perkhidmatan "Microsoft Azure Application Insights" oleh Microsoft Corporation, Redmond, Amerika Syarikat. Adalah ditegaskan di sini bahawa rangka kerja berkanun di negara sasaran (Amerika Syarikat) untuk melindungi data peribadi secara umumnya tidak bersamaan dengan yang terdapat di Kesatuan Eropah (EU) dan yang di Kesatuan Eropah/Kawasan Ekonomi Eropah (EU/EEA) masing-masing.

VI. Hak Anda

Anda boleh menghubungi Siemens di support.teamplay.healthcare@siemens.com, untuk menerima maklumat mengenai data peribadi anda; dan/atau untuk melaksanakan hak berkanun anda mengenai akses, pembetulan, dan pemadaman data peribadi anda; dan/atau untuk menghadkan dan/atau membantah pemprosesan data peribadi anda untuk tujuan pemasaran dan/atau penyelidikan pasaran atau pendapat.

Ia adalah wajib kepada anda untuk membekalkan kami dengan data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam (II) di atas bagi tujuan menggunakan Dasar dan Perkhidmatan kami. Kegagalan untuk membekal dan/atau bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda mungkin menyebabkan kami tidak dapat membekalkan anda dengan akses kepada Platform dan Perkhidmatan kami.

Untuk makluman anda, Siemens telah memeteraikan satu perjanjian pemprosesan data (*data processing agreement*) ("**DPA**") dengan Institusi berhubung dengan pemprosesan data peribadi anda dalam mentadbir Dasar dan Perkhidmatan. Rujukan kepada "Institusi" dalam Dasar Privasi ini bermaksud institusi, hospital atau entiti undang-undang lain di mana anda bekerja.

DPA membekalkan anda, dalam keadaan tertentu, dengan hak untuk menguatkuasakan terhadap Siemens, dan/atau mana-mana pemproses tambahan yang dilantik oleh Siemens. Rujukan kepada "pemproses tambahan" bermaksud mana-mana pemproses yang diarahkan oleh Siemens atau oleh mana-mana pemproses tambahan Siemens yang bersetuju untuk menerima daripada Siemens atau dari mana-mana pemproses tambahan lain Siemens, data peribadi anda bertujuan semata-mata untuk aktiviti pemprosesan yang akan dijalankan bagi pihak Siemens.

Dalam kes-kes di mana Institusi telah dengan nyata hilang atau tidak lagi wujud dalam undang-undang, melainkan sekiranya mana-mana entiti pengganti telah mengambil alih semua kewajipan undang-undang Institusi melalui perjanjian atau melalui kuatkuasa undang-undang, sebagai akibat dari mana ia mengambil hak-hak dan kewajipan Institusi itu, anda mempunyai hak untuk menguatkuasakan terhadap Siemens hal perkara Fasal 3, Fasal 5(a) hingga (e) dan (g), Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8(2), dan Fasal 9 hingga 12 DPA (secara kolektif, "**Fasal-fasal**").

Dalam kes di mana kedua-dua Institusi dan Siemens telah dengan nyata hilang atau tidak lagi wujud dalam undang-undang atau telah menjadi tidak solven, melainkan jika mana-mana entiti pengganti telah mengambil alih semua kewajipan undang-undang Institusi melalui perjanjian atau melalui kuatkuasa undang-undang sebagai akibat dari mana ia mengambil hak dan tanggungjawab Institusi, anda mempunyai hak untuk menguatkuasakan hal ehwal Fasal-fasal terhadap pemproses tambahan.

Institusi akan menyediakan anda dengan salinan Fasal-fasal atas permintaan anda.

VII. Perubahan kepada Dasar Privasi

Untuk meningkatkan perkhidmatan kami kepada anda, penambahbaikan Dasar dan/atau Perkhidmatan kami mungkin memerlukan pindaan kepada dasar privasi ini - contohnya oleh pelaksanaan teknologi baru atau pengenalan perkhidmatan baru. Kami berhak menukar atau menambah dasar privasi ini pada bila-bila masa. Kami akan menyiarkan apa-apa perubahan di Dasar. Oleh itu, anda perlu menyemak Dasar dengan kerap untuk memaklumkan diri anda tentang versi semasa dasar privasi.

VIII. Butir-Butir Hubungan

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang dasar privasi atau ingin membuat aduan tentang pengendalian data peribadi anda oleh kami, sila hubungi kami melalui salah satu daripada butir-butir hubungan berikut:

E-mel: support.teamplay.healthcare@siemens.com

Mel biasa: Henkestr.127, 91052 Erlangen